




KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGELESAAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG BAGI KATEGORI HOTEL INOVATIF

Premis penginapan pelancong haruslah memenuhi syarat-syarat wajib seperti di bawah untuk melayakkan dikelaskan sebagai Hotel Inovatif iaitu:

1. Premis penginapan perlu mempunyai rekabentuk hotel yang unik seperti iglu, *tree house*, heksagon, bas dll dan bukan bersifat konvensional.
2. Rekabentuk hotel menggunakan material yang unik seperti kontena, tube, kapsul, anyaman buluh/ mengkuang dll dan bukan bersifat konvensional.
3. 80% jumlah bilik hotel adalah inovatif dan kreatif.
4. Premis wajib berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
5. Premis menawarkan lebih daripada sepuluh (10) bilik atau lebih daripada lima puluh (50) buah katil, mengikut mana-mana yang terpakai. (rujuk Akta Industri Pelancongan 1992).
6. Premis wajib mempunyai Lesen Perniagaan / Lesen Operasi Hotel atau penginapan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya premis berada di luar kawasan PBT, premis perlu mengemukakan Geran Tanah atau bukti pemilikan.
7. Premis wajib mempunyai :
 - i. Sijil Perakuan BOMBA sekiranya telah beroperasi lebih dari setahun .
 - ii. Memadai mempunyai *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* sekiranya premis beroperasi kurang satu tahun.
 - iii. Premis yang mempunyai struktur langkan terbuka atau bilik kurang dari 21 bilik tidak perlu mengemukakan Sijil Perakuan BOMBA.
 - iv. Mempunyai surat perakuan keselamatan dari BOMBA sekiranya premis berada di luar kawasan PBT.
8. Premis hendaklah menjadi ahli mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu *Malaysian Association of Hotels (MAH)*, *Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO)* atau *Malaysia Budget Hotel Association (MyBHA)*.
9. Semua kakitangan pengendali makanan hendaklah memperolehi Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Typhoid*.



10. Pihak premis perlu menyediakan *Grease Trap*. (Bagi Hotel yang mempunyai F&B)
11. Pihak premis perlu menyediakan Generator Set mengikut keperluan perundangan sedia ada.
12. Premis wajib menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk Orang Kurang Upaya (OKU) (rujuk Akta OKU 2008) tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan orang kurang upaya.
13. Bagi hotel yang berminat untuk memohon pengelasan Hotel Inovatif, memperolehi sekurang-kurangnya taraf 1 Bintang di bawah pengelasan Hotel Bandar, Hotel Pulau/Pantai/Tasik/Sungai dan Hotel Tanah Tinggi untuk layak memohon pengelasan Hotel Inovatif.
14. Hotel dikehendaki menguruskan sistem pembentungan dengan teratur walau di mana hotel beroperasi (pulau, tanah tinggi, dalam tanah, dalam hutan, dll.)

PENGECUALIAN

15. Jumlah bilik hotel adalah kurang dari 80% boleh dipertimbangkan sekiranya kemudahan dan perkhidmatan lain (seperti *front office*, F&B, dll) dalam premis penginapan pelancong adalah bersifat inovatif dan kreatif.

